



A photograph of a group of people, including men and women, smiling and interacting in what appears to be a traditional or community setting. They are standing in front of a wall made of large, light-colored rectangular tiles. The lighting is warm and creates a cozy atmosphere.

# Bahasa *Komuniti* dan

Editor

Wan Robiah Meor Osman

# Bahasa *dan* Komuniti

© UNIMAS Publisher, 2024

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan di Malaysia oleh

UNIMAS Publisher,  
Universiti Malaysia Sarawak,  
94300 Kota Samarahan,  
Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh

Heng Sing Brothers Press  
No 37, Lot 75, Section 63,  
1<sup>st</sup> Floor, Jalan Chan Bee Kiew,  
93450 Kuching,  
Sarawak, Malaysia.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0054-66-7

# Prakata

Masyarakat tanpa bahasa akan sunyi dan tiada makna. Ibarat irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan. Begitulah juga bahasa dan komuniti dalam sesebuah masyarakat. Bahasa wujud disebabkan oleh tuntutan komunikasi dalam sesebuah komuniti. Setiap komuniti dalam masyarakat mempunyai keunikan dari segi pilihan kata, pemerian makna, intonasi dan lengok bahasanya yang tersendiri. Bahasa dapat mencerminkan identiti dan ketinggian akal budi sesebuah komuniti masyarakat. Cerminan identiti sesebuah masyarakat terserlah dengan kebijaksanaan berbahasa. Oleh itu, bahasa dan masyarakat merupakan dua elemen yang bergerak seiring dalam kehidupan manusia.

Buku yang berjudul Bahasa dan Komuniti ini merupakan garapan penulis yang tertumpu pada fenomena kebahasaan dalam masyarakat di Bumi Kenyalang, Sarawak, Negeri di Bawah Bayu, Sabah dan Negeri Jelapang Padi, Kedah. Tulisan dalam buku ini adalah daripada lima hasil kajian terpilih yang mengetengahkan isu bahasa dari pelbagai perspektif sosial misalnya pilihan bahasa, slanga dan percampuran kod dalam sesebuah masyarakat.

Pilihan bahasa wujud apabila aktiviti dalam sesebuah komunikasi menggunakan lebih daripada satu bahasa sebagai medium interaksi dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, bab pertama buku ini oleh Dexter Sigan John, Isabella Jali dan Siti Elmira Jonteng meneliti pemilihan bahasa serta faktor pilihan bahasa dalam kalangan remaja di Bandar Samariang, Kuching, Sarawak. Perbincangan dalam bab ini juga tertumpu kepada penilaian dan tanggapan dalam kalangan remaja terhadap bahasa dengan memanfaatkan Teori Domain Fishman (1972). Kajian pilihan bahasa remaja ini menggunakan lima domain, iaitu domain kekeluargaan, persahabatan, pengajaran dan pembelajaran, kedai dan pasar serta sukan dan riadah.

Bahasa sentiasa berkembang pesat seiring dengan perubahan zaman dan teknologi. Perubahan zaman dan teknologi menyaksikan wujudnya media sosial dalam talian yang mengubah medium komunikasi konvensional kepada komunikasi era baharu. Menerusi bab dua dalam buku ini hasil tulisan Bibiana Bujang dan Yvonne Michelle Campbell mengetengahkan tentang percampuran kod yang berlaku dalam kalangan kaum Bidayuh Bau-Jagoi dalam media sosial *Facebook*. Bab ini membincangkan data daripada dua laman kumpulan sosial, iaitu *Serasot Online* dan *Sinda Dayak Bidayuh Bau*. Dalam kedua-dua laman ini penggunaannya memanfaatkan bahasa Bidayuh Bau-Jagoi sebagai bahasa perantaraan utama semasa memuat naik status atau memberikan pelbagai komen. Tumpuan perbincangan dalam bab ini ialah jenis-jenis dan faktor-faktor percampuran kod dalam kalangan pengguna Bidayuh Bau-Jagoi.

Percampuran kod merupakan fenomena lazim yang sering berlaku dalam masyarakat pelbagai bahasa. Di Sarawak yang mempunyai kepelbagaian etnik dan bahasanya telah memberi impak kewujudan tujuh saluran siaran radio untuk pelbagai etnik, iaitu Sarawak FM, Red FM, Wai FM, Sibu FM, Limbang FM, Miri FM dan RASA FM. Wai FM terbahagi kepada Wai FM Iban dan Wai FM Bidayuh/Kayan. Kajian Laura Micheal dan Remmy Gedat dalam bab tiga memfokuskan fenomena percampuran kod dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam siaran stesen radio Wai FM Iban.

Trend berbahasa masyarakat khususnya golongan remaja turut dikupas dalam buku ini. Slanga yang merupakan salah satu variasi dalam komunikasi masyarakat turut diketengahkan oleh Rachel Arora Nuait dan Hamidah Abdul Wahab. Bab empat dalam buku ini mengupas tentang slanga dalam kalangan remaja Dusun di Kota Belud, Sabah. Penggunaan bahasa slanga oleh kelompok ini diuraikan menerusi tiga domain utama, iaitu domain keluarga, rakan dan sekolah. Perbincangan dalam bab ini memaparkan contoh slanga berserta tahap penggunaannya dalam kalangan remaja Dusun, Sabah.

Upaya sesuatu bahasa bergantung kepada pilihan yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat. Kebiasaan dalam fenomena kebahasaan, bahasa majoriti menjadi pilihan utama masyarakat. Namun, adakalanya wujud keunikan dalam aspek kebahasaan masyarakat yang memilih bahasa minoriti sebagai medium komunikasi harian. Bab lima oleh Muhamad Khairul Najmi Amran dan Wan Robiah Meor Osman mengupas fenomena kebahasaan ini. Tulisan dalam bab ini memaparkan pemilihan bahasa Siam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bendang Raja, Pendang, Kedah. Perbincangan dalam bab ini berasaskan lima domain Fishman (1972), iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain pendidikan, domain pekerjaan dan domain keagamaan.

Garapan buku yang sederhana ini diharap dapat menambah kosa ilmu bahasa amnya dan sosiolinguistik khususnya. Hasil kajian dalam buku ini juga diharap dapat memberikan manfaat sebagai sajian ilmu berkaitan hal-hal kebahasaan di sekitar kepulauan borneo khususnya dan Malaysia barat amnya.

**Wan Robiah Meor Osman (Editor)**

<b>Prakata</b>	ix
<b>Penghargaan</b>	xiii
<b>Bab 1 Bahasa Pilihan Remaja di Bandar Baru Samariang, Kuching, Sarawak</b>	1
<i>Dexter Sigan John, Isabella Jali dan Siti Elmira Jonteng</i>	
<b>Bab 2 Percampuran Kod dalam Laman Sosial Facebook Bidayuh Bau-Jagoi</b>	23
<i>Bibiana Bujang dan Yvonne Michelle Campbell</i>	
<b>Bab 3 Percampuran Kod dalam Siaran Stesen Radio</b>	47
<i>Laura Micheal dan Remmy Gedat</i>	
<b>Bab 4 Slanga Remaja Dusun di Kota Belud, Sabah</b>	67
<i>Rachel Arora Nuait dan Hamidah Abdul Wahab</i>	
<b>Bab 5 Pemilihan Bahasa Siam dalam Kalangan Masyarakat Majoriti di Pendang, Kedah</b>	85
<i>Muhamad Khairul Najmi Amran dan Wan Robiah Meor Osman</i>	
<b>Maklumat Penyumbang Bab</b>	103
<b>Indeks</b>	107

# Bahasa Pilihan Remaja di Bandar Baru Samariang, Kuching, Sarawak

*Dexter Sigan John, Isabella Jali dan Siti Elmira Jonteng*

## Pengenalan

Apa *khabar kitak tek?* Ayat tersebut sudah tidak asing lagi bagi penduduk peribumi Sarawak. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, penggunaan dialek tempatan tetap mempunyai kepentingan yang setara serta mencerminkan jati diri seseorang. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai etnik yang majmuk, pemilihan bahasa dalam kalangan remaja di Bumi Kenyalang ini dilihat sangat menarik dan unik untuk dikaji. Remaja ialah harapan bangsa, remaja juga penggerak bahasa. Fenomena ini sekaligus membawa kita kepada satu persoalan penting: Apakah bahasa pilihan remaja?

Jika dilihat peta Malaysia, negeri Sarawak merupakan negeri yang terbesar. Menariknya, negeri Sarawak terdiri daripada pelbagai jenis masyarakat yang berbeza dari segi bangsa, budaya, agama dan bahasa. Lim (2022) melaporkan etnik Iban merupakan etnik yang terbesar di Sarawak dengan jumlah 723,400, diikuti dengan Cina (619,900), Melayu (607,800), Bidayuh (197,000), Bumiputera lain (141,300), Melanau (133,400), serta India dan suku